

27 MAR 2001

LANGKAH-JURANG

LANGKAH PERBELANJAAN AKAN RAPATKAN JURANG

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Langkah-langkah membuat belanjawan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini akan merapatkan jurang yang diwujudkan oleh perkembangan luaran, kata seorang penganalisis.

Tambahan sebanyak RM3.0 bilion lagi sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion di bawah Belanjawan 2001 tidaklah memeranjatkan kerana ekonomi memerlukannya, katanya.

Penganalisis itu berkata ini adalah sebahagiannya disebabkan pelonggaran sektor-sektor ekonomi yang amat bergantung kepadanya.

Katanya bahawa keluaran pengeluaran elektronik adalah komoditi-komoditi eksport yang menyumbang lebih daripada 50 peratus daripada eksport negara.

Penganalisis itu merasakan bahawa langkah-langkah fiskal itu akan merupakan penawar yang tepat diberikan pada waktu yang tepat.

Katanya kerajaan perlu bekerja lebih lagi menarik pelabur-pelabur asing berhadapan dengan kelembapan.

Dr Mahathir berkata hari ini bahawa kerajaan akan mengeluarkan rancangan untuk melonggarkan peraturan dan undang-undang Jawatankuasa Pelaburan Asing mengenai pemilikan asing.

Pelonggaran ke atas pemilikan asing itu akan membabitkan pemilikan ekuiti, hartanah dan aset.

Mengenai kadar faedah, penganalisis itu merasakan bahawa ia tidak akan diturunkan sungguhpun Dr Mahathir tidak menolaknya.

Tambahan pula, katanya, kadar telapun berada pada paras yang amat rendah dan tiada tekanan inflasi untuk menghendaki sebarang perubahan.

Mengenai langkah-langkah lain, penganalisis itu berkata pengurangan dalam caruman pekerja kepada dana-dana pencen akan positif bagi ekonomi kerana ia pasti mengujudkan perbelanjaan.

Berkuat kuasa April, caruman wajib pekerja-pekerja kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja akan dikurangkan kepada 9.0 peratus daripada 11 peratus sekarang dan ini sekali lagi akan menggalakkan perbelanjaan, tambahnya.

-- BERNAMA

MFZ KTC OS